

25 SEP 1999

Pandithan-Sokongan

IPF AKAN TERUS SOKONG BN WALAUPUN TIDAK DAPAT MASUK BN

PETALING JAYA, 25 Sept (Bernama) -- Parti Barisan Progresif India (IPF) hari ini melancarkan program "Kempen Pilihan Raya Bagi Barisan Nasional (BN)" dalam usaha memastikan BN menang dengan majoriti besar pada pilihan raya akan datang.

Presiden IPF Senator M.G.Pandithan hari ini berkata, IPF sedang berkempen bagi BN kerana ia percaya dengan perjuangan parti pemerintah itu bagi rakyat.

Walaupun IPF tidak diterima dalam BN, hatinya sentiasa bersama BN, katanya di pelancaran program itu oleh Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, yang juga pengerusi BN negeri.

"Hanya satu sahaja yang menghalang IPF daripada menganggotai BN iaitu sistem kata sepakat yang diamalkan oleh BN, tetapi IPF tidak akan berputus asa dan akan meneruskan perjuangan walaupun ia mengambil masa 100 tahun," katanya.

Menurut beliau, program itu akan dilancarkan di setiap negeri di Semenanjung dan ia bertujuan memantapkan usaha and menyediakan anggota-anggotanya untuk membantu BN dalam pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, program itu juga bagi menyenangkan hati anggota-anggota parti itu yang tersinggung kerana komen seorang pemimpin parti komponen BN bahawa BN tidak memerlukan bantuan IPF dalam menghadapi pilihan raya.

"Anggota-anggota IPF akan menyokong kempen bagi semua calon BN dalam pilihan raya akan datang," dan IPF akan terus menyokong BN kerana keyakinannya terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita juga akan bantu kempen bagi presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu," katanya.

Pandithan juga berkata, yang IPF tidak akan menuntut ganjaran kerana membantu BN memenangi pilihan raya kerana "ganjaran perlu ditawarkan dan bukan dituntut."

Mengenai dakwaan yang ada anggota IPF meninggalkan parti itu, beliau berkata : "Tiada sebab bagi mereka lari daripada parti kerana mereka begitu komited kepada perjuangan parti dan kepimpinan BN sejak 10 tahun lepas dan akan meneruskan untuk 100 tahun akan datang."

-- BERNAMA

ARA PR